

Malaysia masih berlebihan tenaga pekerja Import buruh tak selesai masalah: Dr. M

KUALA LUMPUR, Rabu

DATUK Seri Dr. Mahathir Mohamad malam ini menegaskan, langkah mengimport pekerja asing secara sementara dan tidak dikawal bukan merupakan penyelesaian realistik terhadap masalah tenaga buruh.

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian berkata langkah sedemikian juga tidak berupaya menyelesaikan sebarang masalah buruh di sektor pengilangan negara ini.

Katanya, Malaysia masih mempunyai tenaga buruh berlebihan di Kelantan, Trengganu dan Pahang di samping mempunyai kadar pengangguran 5.3 peratus sekarang.

Serentak dengan itu, beliau menggesa pengilang-pengilang tempatan dan luar negeri mengadakan program pembesarannya di luar

kawasan bandar bagi mengatasi masalah tenaga kekurangan tenaga buruh.

Tegasnya, kerajaan bersedia memberi sokongan dan galakan bagi membolehkan mereka mengadakan rancangan pembesaran masing-masing di kawasan-kawasan kurang maju.

Tuntutan

Berucap di majlis makan malam tahunan Persekutuan Pengilang-Pengilang Malaysia (FMM) di sini, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata kerajaan menyedari beberapa syarikat di kawasan bandar utama sedang menghadapi masalah tenaga buruh.

"Bagi syarikat-syarikat yang ingin terus bergiat di kawasan bandar, mereka mesti

memikirkan soal peningkatan teknologi, pertambahan modal dan daya pengeluaran tenaga kerjanya.

"Saya juga beranggapan masanya telah tiba bagi mereka mengkaji semula gaji yang dibayar serta membandingkannya dengan gaji yang diterima oleh pekerja-pekerja di negara-negara maju," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga mengingatkan golongan pekerja dan pemimpin kesatuan sekerja agar membuat tuntutan kenaikan gaji yang wajar selaras dengan prestasi sesebuah syarikat.

Projek

"Jika terdapat tuntutan yang tidak realistik, Malaysia mungkin meletakkan dirinya di tempat yang sama seperti negara-negara maju lain, kegiatan kesatuan sekerja mengakibatkan perplndahan operasi perusahaan ke negara lain," jelasnya.

Timbalan Perdana Menteri menambah negara ini akan berhadapan dengan berbagai masalah dan cabaran baru dalam usahanya mencapai matlamat menjadi sebuah negara perusahan menjelang tahun 1990.

Dalam hubungan ini, beliau menggesa agar pengilang-pengilang dan

pemimpin buruh meningkatkan usaha menyediakan latihan yang sempurna bagi rakyat Malaysia yang bekerja dengannya.

"Jika rakyat negara ini tidak dapat dilatih mengawal diri dalam merebut peluang hidup baru, maka akan wujud keruntuhan moral secara berleluasa apabila kita selesai melaksanakan berbagai projek pembangunan kelak.

"Oleh itu pengilang-pengilang tempatan dan asing perlu berusaha meningkatkan nilai moral dan pekerja dan keluarga mereka di samping peningkatan daya pengeluaran mereka," tambahnya.

Mengenai peranan FMM, Datuk Seri Dr. Mahathir menyeru ia berusaha ke arah mewujudkan taraf piawalan yang wajar bagi barangan keluaran negara ini di pasaran antarabangsa.

"Ini semestinya menjadi objektif FMM agar dalam tempoh dua tahun dari sekarang barangan buatan Malaysia mendapat penghormatan dari semua negara di dunia," ujarnya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia